Juara UASA

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
berdasarkan JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

状元试卷

国文

Bahasa Melayu
(011)

Set kertas model selaras format pentaksiran terkini, pilihan utama untuk persediaan UASA!

Abdul Karim Jaafar

KBAT

Tahun 5 年级

- 100% mematuhi format UASA UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK terkini
- 5 Set Kertas Model UASA
- Setiap set boleh dipisah daripada bu
- Dilengkapi dengan tip menjawab UA
- Jawapan lengkap disediakan

LIVEWORKSHEETS

Bahagian A
[10 *markah*]

Soalan 1 dan 2
Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. _____ orang murid sedang membaca buku di perpustakaan.

   A Semua

   B Segala

   C Seluruh

   D Beberapa

2. Kedai runcit itu _____ dengan rumah Pak Mat.

   A sipi

   B dekat

   C besar

   D tinggi

Soalan 3

3. *Pilih ayat yang* **betul.**

   A Kami tidak tahu pemuda itu dari mana.

   B Murid-murid meminjam buku di waktu rehat.

   C Banyak buku tersusun rapi dengan atas rak buku.

   D Alia anak yang sangat patuh untuk nasihat ibunya.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, Kassim pulang ke kampung untuk melihat-lihat lembu tenusu peliharaan datuknya. Semasa Kassim dan datuknya tiba di kandang, banyak lembu diserang penyakit dan kelihatan lemah. Datuk Kassim segera menghubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Doktor veterinar mengesahkan bahawa lembu-lembu itu terlebih dos vitamin sehingga menyebabkan sistem pencernaan terganggu. Rawatan segera diberikan kepada lembu-lembu tersebut. Beberapa hari kemudian, lembu-lembu itu kembali sihat dan dapat meragut rumput seperti biasa. Kassim berasa gembira dan berharap dapat membantu datuknya memerah susu lembu untuk dijual.

4. Mengapakah Kassim pulang ke kampung?
   - A Memerah susu lembu peliharaan datuknya
   - B Melihat-lihat lembu tenusu peliharaan datuknya
   - C Membantu datuk untuk menjual susu lembu tenusu peliharaan datuknya
   - D Membantu datuknya memberikan rawatan kepada lembu-lembu tenusu

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   - A Kassim segera menghubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
   - B Kassim terlebih dos vitamin lalu menyebabkan sistem pencernaannya terganggu.
   - C Selepas beberapa hari, lembu-lembu tenusu peliharaan datuk Kassim kembali sihat.
   - D Banyak lembu tenusu peliharaan datuk Kassim kelihatan lemah selepas meragut rumput.

6. Berikut ialah pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan *kecuali*
   - A datuk Kassim memelihara lembu tenusu di kampung.
   - B Kassim gembira melihat lembu tenusu datuknya kembali sihat.
   - C Kassim menjual lembu-lembu tenusu datuk apabila kembali sihat.
   - D lembu-lembu datuk Kassim mengalami masalah gangguan pencernaan.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Penduduk Kampung Seri Makmur bergotong-royong untuk membersihkan surau. Ketua kampung, Encik Ahmad Salleh telah merasmikan program dengan ucapan ringkas.

"Saya berharap kerjasama ini dapat *mengeratkan* hubungan penduduk serta memberikan manfaat kepada semua penduduk," katanya.

Kaum lelaki memotong rumput dan menyusun pasu-pasu bunga di halaman surau. Kaum wanita pula menyediakan hidangan untuk jamuan ringan. Kanak-kanak turut membantu untuk mengutip sampah di sekitar surau. Semua kerja selesai dengan lancar dan cepatnya.

BAHAN 2

JOM GOTONG-ROYONG

Objektif program : menceriakan kawasan kampung dan *mengeratkan* hubungan antara penduduk Kampung Alamsari

Penganjur : JKKK Kampung Alamsari

Aktiviti :
- membersihkan longkang
- mengecat pagar dewan
- menanam pokok bunga



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

7. Penduduk kampung Seri Makmur bergotong-royong untuk
   A mencabut rumput.
   B mengutip sampah.
   C memasak hidangan.
   D membersihkan surau.

8. Kanak-kanak turut membantu untuk mengutip sampah di sekitar surau.

   Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
   A orang.
   B kawan.
   C pasukan.
   D kumpulan.

9. Perkataan *mengeratkan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
   A mengikat.
   B memantau.
   C mengukuhkan.
   D menghangatkan.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
   A Kaum wanita menyusun pasu-pasu bunga bersama-sama.
   B JKKK Kampung Alamsari ialah penganjur program Jom Gotong-royong.
   C Program Jom Gotong-royong dirasmikan oleh JKKK Kampung Alamsari.
   D Encik Ahmad Salleh membantu untuk mengutip sampah di sekitar surau.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Bahagian B

[10 *markah*]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Apabila menaiki bot, semua orang mestilah memakai jaket keselamatan. Cikgu Amir menunjukkan cara memakai jaket keselamatan yang betul. Beliau meminta kami memastikan wisel dan pemantul cahaya pada jaket berfungsi dengan baiknya. Kami boleh menggunakan wisel dan pemantul cahaya jika berlaku kecemasan. Selain itu, tali keselamatan pada jaket perlulah dipasang supaya jaket tidak longgar. Kemudian, kami diberikan peluang untuk memakai jaket sendiri. Pemakaian jaket keselamatan dengan cara yang betul dapat menjamin keselamatan.

1. (a) Apabila menaiki bot semua orang mestilah memakai _____.

[1 *markah*]

(b) Mengapakah kita perlu memastikan wisel dan pemantul cahaya pada jaket keselamatan berfungsi?

_____

_____

[2 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

(c) *Bulatkan* **satu kata adjektif** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

> Selain itu, tali keselamatan pada jaket perlulah dipasang supaya jaket tidak longgar.

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tuliskan* (BETUL) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Cikgu Amir menunjukkan cara memakai jaket keselamatan yang betul.

Cara memakai jaket keselamatan yang betul ditunjukkan oleh Cikgu Amir.	
Ditunjukkan oleh cara yang betul memakai jaket keselamatan Cikgu Amir.	

[1 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Petang itu, saya perlu menyiapkan kerja sekolah yang perlu dihantar pada esok hari. Namun pada masa yang sama, kakak meminta saya menolongnya mengemas rumah.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 *markah*]

LIVEWORKSHEETS

Bahagian C

[10 *markah*]

Grafik di bawah menunjukkan cara-cara membahagiakan keluarga.
Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara membahagiakan keluarga.**
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan.**
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**



[10 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Bahagian D

[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* antara 50 hingga 80 patah perkataan.

PENGALAMAN DI RESTORAN



1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

   ATAU

2. Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

LIVEWORKSHEETS